

05 MAY 1996

Razaleigh-perjumpaan (Dengan Gambar)

TAK PERLU BERITAHU PAS PERJUMPAAN DENGAN PM, KATA RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah berkata tidak perlu baginya memberitahu Pas sekiranya beliau berjumpa sekali lagi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, perjumpaan yang beliau hasratkan itu adalah hak partinya serta hak beliau kerana "sebagai seorang rakyat boleh berjumpa Perdana Menteri".

"Tak perlu saya beritahu orang lain...orang lain jumpa Perdana Menteri tak beritahu kita dan kita tak sakit hati.

"Ini bangkit 'perempuan curang'lah, saya tak tahulah," katanya pada persidangan berita sebelum mengadakan perjumpaan dengan anggota-anggota S46 dari Selangor di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir pagi ini bahawa mereka boleh mengadakan pertemuan lagi sekiranya Presiden S46 itu berhasrat berbuat demikian.

Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh telah mengadakan pertemuan sebelum Perdana Menteri mengadakan lawatan ke Bosnia bulan lepas.

Pas, rakan sekutu S46 dalam kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan, menyifatkan tindakan S46 bertemu dengan Umno itu "sebagai seorang janda yang berkahwin dengannya tetapi masih terkenang suami lama".

Pertemuan itu serta cadangan Pas untuk meminda perlembagaan negeri bagi menerima pakai pindaan Perlembagaan Persekutuan 1993 bagi memperjelaskan kuasa Menteri Besar dan istana dilihat sebagai antara punca perbalahan Pas-S46 yang kini berlaku secara terbuka.

Tengku Razaleigh berkata beliau sudah menyampaikan hasratnya menerusi satu utusan supaya dapat menyambung perbincangan dengan Dr Mahathir.

"Kalau Perdana Menteri fikir ini adalah sesuatu yang baik dilakukan, saya rasa baik kita berjumpa," katanya. -- BERNAMA

AZZ AKD